

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 7 MAC 2024

AKHBAR : BERITA HARIAN

PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1220565/keb-2024-fokus-tingkatkan-keupayaan-golongan-pertengahan-bumiputera>

### KEB 2024 fokus tingkatkan keupayaan golongan pertengahan Bumiputera



KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memberi tumpuan khusus kepada usaha pemerksaan dan pengupayaan golongan pertengahan Bumiputera melalui pelbagai langkah yang sedang digerakkan dan diteliti, termasuk mengurangkan kebergantungan kelompok itu kepada pekerjaan bergaji.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata bagi tujuan itu, hala tuju golongan Bumiputera perlu ditambah baik dari semasa ke semasa.

"Kerajaan akan memberi fokus kepada usaha pemerksaan dan pengupayaan golongan pertengahan Bumiputera yang mampu mencipta nilai kepada ekonomi dengan membina perniagaan dan meningkatkan pendapatan berbanding hanya menambah nilai.

"Melaluinya, (dapat meningkatkan) lebih banyak penyertaan kelas menengah Bumiputera, dengan cara membina perniagaan dan meningkatkan pendapatan

berbanding seperti sebelum ini hanya menambah nilai atau bergantung harap kepada pekerjaan bergaji tetap semata-mata," katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Zahir Hassan (PH-Wangsa Maju) yang bertanya apakah hala tuju dan pendekatan baharu yang sedang dirangka kerajaan hasil daripada penganjuran Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) dalam usaha melonjakkan tahap sosio ekonomi Bumiputera.

Mengulas lanjut komitmen kerajaan bagi memperkasa ekonomi Bumiputera, Rafizi berkata, penyertaan golongan itu dalam pelbagai bidang dan sektor juga akan turut diberi perhatian.

"(Usaha ini termasuk mengukuhkan daya saing dalam pelbagai bidang dan sektor, meningkatkan penskalaan, membangunkan bakat, meningkatkan pendapatan dan menoktahkan kemiskinan tegar.

"Selain itu, fokus turut diberikan kepada penghayatan dan falsafah Bumiputera, pengukuhan penyampaian perkhidmatan dan peningkatan penyertaan syarikat swasta, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat berkaitan pelaburan Kerajaan (GLIC)," katanya.

Beliau berkata, pelan jangka panjang dinamakan Agenda Baharu Pemerkasaan Bumiputera yang bakal dilancarkan Jun depan, hasil intipati yang dibincangkan sepanjang KEB 2024, akan menjadi hala tuju bagi melonjakkan lagi tahap sosioekonomi Bumiputera.

Katanya, pelan yang dirangka untuk tempoh 10 tahun itu bersifat holistik tanpa meminggirkan peranan semua etnik di Malaysia.

Menjawab soalan tambahan Datuk Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim (PN-Kuala Terengganu), beliau berkata pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung dana berjumlah RM1 bilion bagi melahirkan generasi baharu usahawan Bumiputera adalah satu pengumuman baharu, bukan daripada Belanjawan 2024.

Menurut Rafizi, dana berkenaan akan digerakkan melalui GLC dan GLIC, selain mobilisasi kapital swasta yang lebih baik.